

NO. SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 15.3.2017 (RABU)

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu peningkatan harga makanan akibat kenaikan harga harga barang perlu seperti minyak masak, gula dan harga petrol.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa memandang serius ke atas isu harga barang termasuk makanan dan sedar bahawa harga barang boleh dipengaruhi pelbagai faktor.

Sehubungan dengan itu, tindakan-tindakan berikut telah diambil untuk menangani isu harga:

- i. menguatkuaskan **Akta Kawalan Harga** dan **Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga atau mencatut;
- ii. menguatkuaskan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barang yang dijual atau mempamerkan senarai harga;
- iii. melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** bagi mengawal harga barang keperluan musim perayaan tertentu semasa musim-musim perayaan utama dalam negara;
- iv. meningkatkan keberadaan (*omnipresence*) pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika melalui kehadiran pegawai penguatkuasa;
- v. mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** dalam usaha untuk

menyelesaikan aduan rakyat melalui tindakan yang cepat dan pantas;

- vi. menjalankan pemantauan harga barang keperluan asas di seluruh negara di bawah Program Pemantauan Harga oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian;
- vii. memperkenalkan program *Friends of KPDKKK* yang merupakan mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan bekerjasama dengan Pengguna yang menyertai program ini bagi menyebarkan maklumat berhubung kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang;
- viii. menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga;
- ix. mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan lain serta penglibatan penghulu dan penggawa dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat perubahan harga barang di premis perniagaan kepada Kementerian;
- x. mengadakan program **Kedai Harga Patut** di premis-premis yang telah dikenalpasti menjual barang pada harga yang berpatutan dan kompetitif; dan
- xi. menyeragamkan harga barang-barang keperluan pengguna seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, LPG, petrol RON 95 dan diesel pada harga yang ditetapkan Kerajaan melalui **Program Penyeragaman Harga**.

Pelbagai langkah dan tindakan serta inisiatif bagi menyediakan barang keperluan yang lebih berpatutan untuk dinikmati pengguna umum telah dilaksanakan. Selaras dengan matlamat sebagai ***Caring Ministry***, Kementerian berharap inisiatif-inisiatif tersebut akan dapat menangani isu harga barang dengan baik bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat.